



ARCA

PERCUMA • ISSN 1825-982X • EDISI 9 • JULAI - DIS
2015

Buletin Jabatan Pembendaharaan Negeri Sarawak



www.treasury.sarawak.gov.my

Intisari ARCA

- ms 3** Nota Penasihat/Sidang Redaksi
- ms 4** Amanat Akauntan Negeri
- ms 5-6** Pencapaian Tahun 2015
- ms 7-14** Kronologi Peristiwa 2015
(Jul - Dis)
- ms 15** Anugerah Pegawai Mengekalkan Prestasi Cemerlang
- ms 16** Pegawai Bersara
- ms 17** Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
(APC) 2014
- ms 18-19** Artikel Menarik
- ms 20** Diari 2016

Nota Penasihat



*Hajjah Elean Bt
Haji Masarat*

Salam Sejahtera dan Salam 1 Perbendaharaan, Selaku Penasihat ARCA saya amat bersyukur Majalah ARCA telah dapat diterbitkan berkat kerjasama Pasukan Editorial yang diketuai oleh Cik Rabiah Binti Zaidan. Saya amat berharap majalah ini dapat memberikan maklumat yang berguna kepada pembaca khususnya staf Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak.

Segala aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2015 merupakan satu sumbangan semua pegawai yang telah sama-sama memastikan aktiviti jabatan berjalan lancar. Usaha gigih semua pihak untuk menaikkan nama jabatan amatlah dihargai terutamanya Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah berjaya meraih beberapa kemenangan seperti yang dipaparkan dalam MAJALAH ARCA kali ini.

Majalah ARCA ini diharapkan boleh menjadi sumber pengkongsian ilmu kepada semua pembaca. Ianya juga diharapkan akan dapat menyediakan maklumat yang berguna berkaitan dengan perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti jabatan secara berterusan kepada pelanggan. Selamat melayari Majalah ARCA.

Sekian, terima kasih.

Sidang Redaksi

Penaung

Datu Jumastapha Bin
Lamat
Akauntan Negeri

Penasihat

Hjh. Elean Bt Hj.
Masa'at
Timb. Akauntan Negeri

Kedua Editor

Rabiah Bt Zaidan
Akauntan Kanan

Jurufoto

Mathdir Bin Rosli
Pembantu Tadbir (P/O)

Ahli

Haslinda Bt Abdul Ghani Najwa 'Illiani Bt Jahiden
Akauntan Kanan Pem. Tadbir (Kew)

Khadijah Bt Khaider Jesseta Crystal Ak
Setiausaha Pejabat Dugat
Pembantu Tadbir (Kew.)

Wahieeda Bt Shamsudin Hamidon Bin Othman
Pembantu Tadbir (P/O) Pembantu Tadbir (Kew.)

Norhalizah Bt Jali
Pem. Tadbir (Kew) Cyrine Tipi
Shreeza Bt Colony
LPKS

Sekapur Sirih Dari...



Akauntan Negeri Sarawak

YBhg. Datu Jumastapha Bin Lamat

Saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Jawatan kuasa ARCA kerana berjaya sekali lagi untuk memberi komitmen yang tinggi untuk menerbitkan ARCA edisi 9.

Pada edisi kali ini, saya amat tertarik untuk menerapkan ungkapan **'One Fine Day'** ke dalam visi jabatan kita iaitu 'Untuk Menjadi Jabatan Perbendaharaan Contoh Sektor Awam Malaysia'. Sekian lama kita mendukung visi di atas, kita cerna Balanced Scorecard (BSC) 2015 - 2020 dan sekarang masa untuk mengubah impian itu menjadi kejayaan atau *'turning goals into achievement'*. Saya amat berharap supaya apa yang hendak kita realisasikan tercapai pada tahun 2020

- JPNS menjadi satu organisasi mantap dengan staf yang berwibawa, penuh ilmu dan penuh yakin.
- Penyediaan Penyata Kewangan Negeri dalam masa dua minggu atas dasar **'real time'**. Sekarang kita menyediakan akaun ini dalam masa dua bulan.
- Satu akaun pembayaran sahaja untuk seluruh Sarawak dan satu bank sahaja untuk membayar tidak kira jika di Limbang, Belaga mahupun di Kuching.
- Satu akaun penerimaan sahaja bagi seluruh Sarawak iaitu kita kurangkan PTJ bayaran dan mengurangkan PTJ terimaan.
- Pembayaran melalui EFT. Dengan adanya EFT, kita tidak akan menggunakan cek langsung.
- Baucar bayaran secara elektronik (E-PV) dimana kita tidak perlu menghantar baucar bayaran secara hardcopy dan PTJ hanya menghantar baucar bayaran secara atas talian.

Seperti yang telah disenaraikan di atas, inilah antara impian pokok kita terhadap organisasi kita menjelang 2020. Inilah yang kita sedang usahakan dari dahulu sehingga sekarang dan kita teruskan sehingga tahun 2020.

Akhir kata, saya ingin sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai JPNS dan berharap kita semakin bersatu hati dan bersama-sama berkerja keras dan berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan untuk mencapai impian jabatan kita. Insya Allah.

PENCAPAIAN TAHUN 2015

Portal/Laman Web Ager Kerajaan Negeri



LAMAN WEB PENGIKTIRAFAN 5 BINTANG TAHUN 2014

Laman Web Perbendaharaan Negeri Sarawak telah mendapat keputusan pengiktirafan 5 Bintang melalui penilaian ProBE (Provider-Based Evaluation) yang diadakan di Imperial Hotel, Kuching pada 20 November 2015.

ANUGERAH HIGH PERFORMANCE TEAM (HPT)

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah meraih Anugerah High Performance Team (HPT) dengan projek "CLICK TO CLAIM" pada Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2014 di Borneo Convention Centre Kuching pada 18 November 2015.



TROFI KETUA MENTERI SARAWAK PERAK

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak telah meraih Trofi Ketua Menteri Sarawak - Perak (Kategori Negeri) bagi Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang diadakan di Borneo Convention Centre Kuching pada 18 November 2015.



DO-IT NAIB JOHAN KIK

Kumpulan DO-IT telah berjaya mendapat Naib Johan KIK Kategori Pengurusan pada Pertandingan Negeri Sarawak yang diadakan pada 19 - 23 Oktober 2015 di Borneo Convention Centre Kuching.



PENCAPAIAN TAHUN 2015

ASPIRASI UTARA ANUGERAH EMAS

Aspirasi Utara dari Perbendaharaan Bahagian Miri telah mendapat Anugerah Emas dalam Konvensyen Regional Convention Team Excellent Wilayah Sabah Sarawak yang diadakan di Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah pada 25 – 26 Ogos 2015.



ASPIRASI UTARA ANUGERAH PENERUS MPC & JOHAN SEKTOR AWAM

Aspirasi Utara dari Perbendaharaan Bahagian Miri telah mendapat Anugerah Penerus MPC dan merupakan Johan Sektor Awam pada Annual Productivity And Innovation Conference And Exposition 2015 (APIC 2015) pada 8 November 2015 yang diadakan di Hotel Sunway Pyramid, Kuala Lumpur.

DO-IT JOHAN PERSEMBAHAN PALING KREATIF & NAIB JOHAN KIK

Kumpulan DO-IT telah berjaya merangkul Johan Persembahan Paling Kreatif dan Naib Johan KIK Kategori Pengurusan pada pertandingan KIK Peringkat Zon Selatan yang diadakan pada 10 – 12 Ogos 2015 di Imperial Hotel, Kuching.



PB LIMBANG NAIB JOHAN

Jabatan Perbendaharaan Negeri Bahagian Limbang dengan kerjasama Jabatan Akauntan Negeri Malaysia cawangan Limbang telah mendapat Naib Johan dalam perarakan kemerdekaan sempena Sambutan Hari Kebangsaan 2015 yang berlangsung di Kompleks Sukan Limbang.



KRONOLOGI PERISTIWA 2015 JULAI - DISEMBER





Majlis Agihan Bubur lambuk

Persatuan Kebajikan Islam Perbendaharaan Negeri Sarawak (KIPAS) telah menganjurkan satu majlis agihan bubur lambuk kepada semua staf JPNS yang telah disampaikan oleh Akauntan Negeri pada 10 Julai 2015 bertempat di perkarangan lobi, Menara Pelita.

**JULAI
2015**

Majlis Ramah Tamah Aidilfitri

Majlis Ramah Tamah Aidilfitri telah diadakan pada 12 Ogos 2015 bertempat di Ruang Legar, Tingkat Bawah, Menara Pelita. Semua kakitangan dari Ibu Pejabat, Perbendaharaan Kuching dan Samarahan turut serta bagi meraikan Majlis Ramah Tamah tersebut.



**OGOS
2015**



Lawatan Tapak AKMS

Jabatan kita menerima kedatangan panel penilai AKMS pada 15 September 2015.



SEPTEMBER 2015

Lawatan Tapak Panel Penilai HPT

Pada 18 September 2015, jabatan kita telah menerima kunjungan daripada ahli panel untuk lawatan tapak bagi penyertaan dalam High Performance Team (HPT) 2015.



Majlis Ibadah Qurban 2015

Semua staf beragama Islam bersama-sama mengadakan majlis ibadah qurban 2015 pada 24 September 2015 bertempat di perkarangan tempat letak kereta Menara Pelita.



SEPTEMBER 2015

Gotong-royong Perdana

Program gotong-royong perdana 5S telah diadakan pada 3 Oktober 2015 melibatkan semua staf JPNS di ibu pejabat.

OKTOBER
2015



Kunjungan Delegasi Papua New Guinea

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak menerima kunjungan rombongan Central Province Government - Papua New Guinea pada 20 Oktober 2015.



Hari Perkhidmatan Awam 2015

Jabatan Perbendaharaan Negeri telah menyertai Perhimpunan Hari Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak 2015 yang berlangsung pada 18 November 2015 bertempat di Borneo Convention Centre Kuching (BCCCK).

NOVEMBER
2015



Karnival Sukan & Treasury Idol 2015.

Kelab sukan & Rekreasi pembendaharaan Negeri Sarawak (KESTURI) telah menganjurkan Karnival Sukan & Treasury Idol 2015 pada 28 hingga 29 2015 bertempat di Akaedemi Percukaian Malaysia Kuching.



Majlis Anugerah laman Web 5 Bintang

Unit Permodenan Perkhidmatan Negeri (UPPN) mengadakan majlis Penganugerahan Laman Web 5 Bintang kepada Jabatan dan Webmaster yang telah mencapai 5 Bintang untuk tahun 2014 dalam Malaysia Government Portal dan Website Assessment (MGPWA) oleh Multimedia Development Corporation (MDeC). Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak adalah antara jabatan yang telah dijemput ke majlis penganugerahan ini pada 20 November 2015 di Hotel Imperial, Kuching.



Pengauditan Pembaharuan Persijilan 5S/QE oleh MPC

Jabatan Perbendaharaan Negeri Sarawak mengulangi kunjungan pihak MPC untuk pelaksanaan pengauditan bagi Pembaharuan Persijilan 5S/QE kelbuPejabat Perbendaharaan Negeri Sarawak pada 4 Disember 2015(Jumaat).

DISEMBER 2015

Majlis Penghargaan

Majlis Penghargaan untuk semua pegawai di ibupejabat, Bahagian Samarahan dan Kuching yang diadakan pada 2 Disember 2015 bertempat di Hotel Imperial, Kuching. Turut menghadiri pegawai dari pihak SAINS, Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Jabatan Tanah Dan Survei dan Dewan Undangan Negeri.

PENERIMA ANUGERAH PEGAWAI YANG MENGEKALKAN PRESTASI CEMERLANG TAHUN 2011 HINGGA 2013



BIL	NAMA	JAWATAN	STESEN
1	H.JH. ELEAN BT. MASA'AT	TIMBALAN AKAUNTAN NEGERI	PENTADBIRAN AM
2	KUSHAJRI BIN JOHAN	PEMANGKU PENOLONG AKAUNTAN NEGERI KANAN AKAUN	SEKSYEN KEWANGAN
3	CHRISTOPHER DANAN BINJIE	PEMANGKU PENOLONG AKAUNTAN NEGERI KANAN GAJI	SEKSYEN GAJI
4	SALMIAH BINTI MAT	AKAUNTAN W41	SEKSYEN GAJI
5	JUDAS AK LIGON	PENOLONG AKAUNTAN W32	PB SAMARAHAN
6	ZORINA BT ACHIM	PENOLONG AKAUNTAN W32	PB MIRI
7	MAGDALINE KUEH LEE MENG	SETIAUSAHA PEJABAT N32	UNIT PENTADBIRAN
8	KHADIJAH BT KHAIDER	SETIAUSAHA PEJABAT N27	UNIT PENTADBIRAN
9	SAHARI BIN JET	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W26	PB KUCHING
10	PAULINE IMBOK ANAK UJAK	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W22	PB MIRI
11	JOS AK JAWA	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W22	PB SAMARAHAN
12	RIMAN BIN REDUAN	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W22	SEKSYEN INSPEKTORAT
13	JAMALIAH BT LEK	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W22	SEKSYEN GAJI
14	SHAFARIDAH BT BUJANG	PEMBANTU TADBIR KEWANGAN W22	PB BINTULU
15	MUJANAH BT WAHAB	PEMBANTU TADBIR (P/O) N17	PB KUCHING
16	MARY JOSEPHINE AK GOM	PEMBANTU TADBIR (P/o) N17	PB KUCHING
17	HASSAN BIN AHMAD	PEMANDU KENDERAAN R6	UNIT PENTADBIRAN
18	BASTARI BIN GANI	PEMBANTU AM RENDAH N4	PB SAMARAHAN

**ANUGERAH PERKHIDMATAN GEMERLANG
(APG) 2014**



Raca Mulong
Unit Pentadbiran &
Sumber Manusia



Awg. Sabli B Awg.
Sulong
PB Bintulu



**Awg. Hasarudin
B Awg Mohammad**
PB Mukah



Naraha Bt Sapiee
PB Betong



Chung Koi Fook
Seksyen Kewangan



Azrina Bt Kipli
Seksyen Gaji



Dena Bt Udin
Seksyen
Inspektorat



Matthew Ak Anyom
PB Sibu



Lawrence Ak Jarau
PB Kapit



**Amarican Tan @
Amir Tan**
PB Bintulu



Jos Jawa
PB Samarahan



**Zaty Yusrina Bt
Mohd Yussof**
Unit Sumber Manusia



Majinah Bt Siri
Unit Perancangan



Gracie Ak Kadol
Seksyen Akaun



Rohana Bt Sylvia
Seksyen Gaji



Nurul Syafina Bt Reji
PB Kuching



Norlidza Bt Mazeni
PB Sri Aman



Zuria Bt Yusuf
PB Miri



**Dyg Puspanita Bt
Samat**
PB Limbang



Reduan Anis
PB Sarikei



Ani Bt Adi
Unit Pentadbiran

PEGAWAI BERSARA 2015



Tay Meong Gek
Tempat Bertugas: PB Sri Aman
Tarikh Bersara: 25.01.2015
Tempoh Berkhidmat: 6 tahun



Jamayah Bt Ramli
Tempat Bertugas: Ibu Pejabat
Tarikh Bersara: 04.03.2015
Tempoh Berkhidmat: 25 tahun



Teddy Melut
Tempat Bertugas: PB Kuching
Tarikh Bersara: 16.07.2015
Tempoh Berkhidmat: 36 tahun



Norzanah Bt Suhaimi
Tempat Bertugas: Ibu Pejabat
Tarikh Bersara: 11.08.2015
Tempoh Berkhidmat: 38 tahun



Hjh. Rine Bt Edin
Tempat Bertugas: PB Kuching
Tarikh Bersara: 04.03.2015
Tempoh Berkhidmat: 32 tahun



Zumba, senaman yang tengah "hot" buat wanita hari ini dikatakan mempunyai banyak kebaikan. Apa seronoknya Zumba selain menjadikan tubuh badan langsing? ARCA kali ini mendedahkan kebaikan Zumba yang pastinya akan membuatkan warga Perbendaharaan terus ber-zumba hari ini!

Turun Berat Badan

Tarian Zumba membantu meningkatkan kadar sistem kardiovaskular di mana ia membantu melawan 'kewujudan' lemak-lemak yang tidak diingini. Jangan tidak tahu, Zumba mampu membakar kalori sekitar 600 hingga 1000 kalori. Banyak juga, bukan?

Badan Lebih Tegap

Jika anda terus ber-zumba setiap hari secara berdisiplin, anda boleh mendapatkan tubuh badan yang lebih tegap. Rentak muzik yang menggerakkan tubuh anda membuatkan otot tubuh tegang dan kuat tanpa anda sedari.

Memperoleh Rakan Baru

Menghadiri kelas Zumba turut membantu anda berinteraksi dengan lebih ramai rakan baru yang 'gila-gila' menari! Bayangkan jika anda menghadiri kelas Zumba dua atau tiga kali seminggu, lebih ramai rakan anda kenali malah Zumba boleh mengawal sikap pemalu anda.

Lebih Bertenaga & Seronok

Tidak seperti senaman lain, Zumba lebih menyeronokkan kerana menari mengikut rentak muzik yang rancak, moden dan bertenaga. Jika anda penggemar muzik, anda bukan saja boleh menyanyi dan mendengar tetapi menari seolah-olah anda berada pertandingan menari!

Muzik latin adalah muzik yang paling popular dan kerap digunakan oleh kelas-kelas Zumba ekorak langkah dan pergerakan yang sesuai dengan rentak. Sudah bersedia untuk berzumba? Jom layan video Zumba Fitness Marioneta untuk anda berzumba petang nanti!

Pelepas Tekanan

Zumba merupakan senaman sempurna untuk anda melepaskan tekanan malah ada yang mengatakan ia lebih baik dari terapi. Muzik rancak dan pergerakan bebas mampu melepaskan mood yang meningkatkan hormon endorfin.

Sesuai Semua Usia

Tentunya Zumba sesuai untuk semua peringkat umur kerana menggabungkan kesemua elemen seperti muzik dan pergerakan bertenaga. Malah, kini sudah ada program Zumba khusus untuk kanak-kanak yang dikenali sebagai Zumbatonic yang menjadikan kanak-kanak lebih aktif dan sihat.

Simptom Demam Denggi

Demam Yang Tinggi Secara Tiba – tiba

Kemungkinan pesakit telah dijangkiti virus dalam tempoh beberapa hari sebelum demam dan selepas itu barulah pesakit merasa kesakitan. Biasanya virus demam denggi akan memberi kesan selepas 8 ke 12 hari setelah pesakit digigit oleh nyamuk berkenaan.

Bintik – Bintik Merah

Bintik – bintik merah ini akan penuh di seluruh badan seperti ruam dan akan mengalami gatal – gatal.

Sakit Sendi, Otot dan Belakang Badan

Terasa sengal – sengal dan tidak berupaya untuk bergerak

Sakit Kepala

Pendarahan Di Bawah Lapisan Kulit, Hidung dan Gusi

Kaedah Merawat Demam Denggi

Kebiasaannya, doktor akan memberi cecair yang akan disalurkan ke dalam tubuh bagi menggantikan kehilangan cecair yang banyak akibat demam denggi. Biasanya penggunaan ubat antipiretik akan digunakan untuk meredakan demam denggi. Selain itu, ada beberapa tips rawatan alternatif yang boleh diguna pakai sebagai usaha untuk merawat pesakit demam denggi.

8 Cara Mudah Merawat Demam Denggi

AIR MASAK

Minum air masak dalam kuantiti yang banyak. Sekurang – kurangnya 3 liter sehari.

1



DEMAM DENGGI MEMBAWA

M A U T

Untuk edisi kali ini ARCA ingin berkongsi tentang penyakit Demam Denggi memandangkan ia merupakan sejenis penyakit yang amat serius. Demam Denggi disebabkan oleh nyamuk aedes atau lebih tepat lagi 2 jenis nyamuk aedes aegypti dan aedes albopictus. Virus demam denggi ini berjangkit pada manusia melalui gigitan nyamuk aedes betina yang biasanya banyak pada sebelah awal pagi dan senja. Disini ARCA kongsi sedikit simptom Demam Denggi dan Kaedah merawatnya.

SUP KETAM

2

Reneh sup ketam dan beri kepada pesakit untuk di makan dan pastikan sup ketam dihirup dalam kuantiti yang perlu.

JUS DAUN BETIK

Jus ini dikatakan mujarab sebagai penawar denggi. Cara untuk membuat jus ialah, ambil sedikit daun betik matang tumbuk sehingga lumat dan dapatkan jusnya. Beri satu sudu teh jus daun betik kepada pesakit.

3

Perhatikan.

Jika anda perhatikan, kesemua rawatan mudah demam denggi adalah dengan **pengambil air yang banyak**. Ada juga yang menggalakkan pengambilan minuman isotonik. Tetapi tahukan anda minuman tersebut mempunyai gas dan kadar gula yang tinggi. Bagi mereka yang bersukan, gula tersebut akan ditukarkan sebagai tenaga. Tetapi bagi mereka yang hanya baring dan tidak menggunakan tenaga. Bagaimana?

JUS BUAH KIWI

Hanya perlu megisar buah kiwi yang segar dan kemudian minum jus buah kiwi.

4

JUS BUAH KURMA

Kisar 10 ke 20 biji buah kurma bersama segelas air masak. Minum sehari 2 kali sewaktu pagi dan petang. Minum setiap hari sehingga sembuh

5

JUS BUAH JAMBU

Kisar dan dapatkan jus untuk diminum. Air Buah Jambu berperanan penting untuk melawan radikal bebas dalam tubuh badan manusia.

JUS PEGAGA

Kisar dan minum jusnya.

7

TEMBIKAI MERAH

Boleh dimakan begitu sahaja atau jadikan jus. Amalkan setiap hari dan ambil dalam kuantiti yang banyak. Tugas utama tembakai adalah menggantikan cecair yang kurang didalam tubuh dan menyejukkan badan.

8

ARCA berharap perkongsian kali ini menyedar warga perbendaharaan agar mencegah diri dan keluarga dari Simptom Demam Denggi ini. Mencegah lebih baik daripada mengubati.

Sumber : <http://mamaqaireen.com>

Diari 2016

Januari

- LAB TNA Jabatan.
- Sejiwa Senada Bahagian Miri.

Februari

- Pembentangan LAB TNA Jabatan kepada Pengurusan Jabatan.
- Sejiwa Senada Bahagian Sibu
- Sejiwa Senada Bahagian Sarikei.

Mac

- Sejiwa Senada Bahagian Betong, Bahagian Kapit & Bahagian Mukah.

April

- Sejiwa Senada Bahagian Limbang, Bahagian Sri Aman, Bahagian Samarahan & Bahagian Kuching.
- LAB Penggubalan Peperiksaan Subjek Jabatan & Peperiksaan BITK.

Mei

- Kursus GEMS & Kursus Motivasi
- Peperiksaan Subjek Jabatan & Peperiksaan BITK. Kelas Bimbingan
- Peperiksaan Subjek Jabatan. Agenda Perbendaharaan 2016.
- RANDAU 1/2016.

Jun

- Kursus Induksi Khusus Jabatan 2016.
- LAB Restructuring.

Julai

- Ceramah Integriti dan Perubahan Budaya JPNS 2016.

Ogos

- Kursus Pengurusan Kewangan 2016.

September

- Kursus Motivasi/5S/KIK.

Oktober

- Kelas Bimbingan Peperiksaan Subjek Jabatan.
- Karnival Sukan & Treasury Idol 2016.

November

- Peperiksaan Subjek Jabatan & Peperiksaan BITK.
- RANDAU 2/2016.

Disember

- Taklimat Keselamatan Pejabat,